

Kuala Lumpur

Rawatan tradisional bukan alternatif utama untuk merawat kanak-kanak yang menghadapi penyakit mental.

Ketua Psikoterapi dan Intervensi Universiti Putra Malaysia (UPM) Siti Fatimah Abdul Ghani berkata, ibu bapa perlu lebih rasional dalam mencari alternatif untuk mengubati anak supaya masalah itu tidak menjadi lebih serius.

“Kebanyakan ibu bapa berpendapat cara tradisional lebih efektif seperti berubat dengan bomoh. Tambahan pula, ada antara mereka cuba menyem-

bunyikan masalah yang dihadapi daripada masyarakat.

“Stigma itu perlu diubah kerana ia akan memberi kesan jangka panjang terhadap perkembangan psikologi anak,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Harian Metro semalam melaporkan ramai ibu bapa yang enggan membawa anak berjumpa pakar bagi merawat masalah psikologi yang dihadapi.

Ada antara mereka lebih percayakan mistik dengan mendakwa kanak-kanak itu ‘disampuk’.

Siti Fatimah berkata, ma-

■ Ibu bapa perlu lebih rasional rawat anak sakit mental

HARIAN

METRO

4/4/2017

P. 4

SI CILIK KEMAMAR

Segelintir ibu bapa biasanya mengesyaki anak mereka terkena 'sampuk' apabila tiba-tiba mercau, bercakap seorang diri dan kadangkala cuba mencederakan orang lain. Sebenarnya perlakuan itu adalah antara simptom serangan psikosis atau penyakit mental yang dikesan sudah menyerang ribuan kanak-kanak dan remaja dalam kelompok umur 10 hingga 16 tahun, lapor Nabihah Kamal

Budak seawal 10 tahun hidap penyakit mental

>6

LAPORAN muka depan Harian Metro, semalam.

salah itu perlu dirawat dengan cara moden kerana ia akan memberi kesan kepada corak rangsangan fisiologi kanak-kanak berkenaan.

“Jantung berdebar, ketakutan, berpeluh serta sukar

didekati oleh orang sekeliling antara kesan jika masalah itu tidak dirujuk kepada pakar.

“Bebanan emosi yang ditanggung kanak-kanak itu akan memberi implikasi kepada kesihatan emosi dan mentalnya,” katanya.

Menurutnya, ibu bapa perlu ada kesedaran untuk membawa anak yang mempunyai masalah mental berjumpa pakar.

“Perubatan tradisional seperti bomoh tidak patut dirujuk sebagai rawatan utama. Ia tidak menyelesaikan masalah itu dengan berkesan,” katanya.

Masalah itu perlu dirawat dengan cara moden

Siti Fatimah Abdul Ghani

